



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PELAKSANAAN DASAR PENERAPAN  
NILAI-NILAI MURNI DI TIGA AGENSI INDUK  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**ABDULLAH BIN HJ. ABD. RAHMAN**

**FPP 1998 74**

**PELAKSANAAN DASAR  
PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI  
DI TIGA AGENSI INDUK  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**ABDULLAH BIN HJ. ABD. RAHMAN**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**1998**



**PELAKSANAAN DASAR  
PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI  
DI TIGA AGENSI INDUK  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**OLEH**

**ABDULLAH BIN HJ. ABD. RAHMAN**

**Projek penyelidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada  
syarat bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Sains di Fakulti Pengajian  
Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.  
Mac 1998**



## **PENGHARGAAN**

(Dengan Nama Allah Yang Amat Pemurah Lagi Amat Mengasihani)

Segala puji dan syukur kepada Allah swt Tuhan Seru Sekelian Alam. selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad saw, para sahabat serta seluruh ulama'-ulama' Islam yang telah mencerahkan tinta emas mereka ke alam ini sehingga dapatlah kita semua menikmati keilmuan yang ditinggalkan.

Alhamdulillah. dengan penuh tawadhus, berkat ketabahan dan petunjuk dari Allah swt saya dapat menyempurnakan kertas projek ini. Saya amat berterima kasih kepada Puan Hajah Rusinah bt. Joned dan Prof. Madya Dr. Hj. Turiman b. Suandi yang telah memberi bimbingan sehinggalah selesainya projek saya ini.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada para pensyarah yang sempat membimbing saya sama ada secara langsung atau tidak, sahabat-sahabat seperjuangan khususnya Norizan, Zaniah, Rosli, Nasir, Nordin, Johar, Jusang dan lain-lain lagi yang banyak membantu serta merangsang diri saya serta tidak lupa kepada semua kakitangan di Jabatan Pendidikan Pengembangan.

Penghargaan juga saya rakamkan kepada Jabatan saya (Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri) kerana prihatin dengan saya hingga dapat menamatkan pengajian Sarjana saya. Begitu juga terima kasih kepada Jabatan-jabatan yang terlibat dengan projek ini seperti ICU, MAMPU, EPU dan JAKIM yang telah sama-sama membantu saya memperolehi maklumat-maklumat yang diperlukan, di mana sebahagian dari maklumat-maklumat tersebut membantu menyempurnakan kertas projek ini.

Kepada rakan-rakan sepejabat diucapkan terima kasih kepada anda kerana menyokong saya, tanpa anda siapalah saya. Bantuan, dorongan, cabaran, semangat serta nasihat anda amatlah berharga bagi saya. Terima kasih khusus kepada Puan Salehan @ Zaharah bt. Hj. Mohd. Sham yang sanggup meruangkan masa membanting tenaga membantu saya meneliti dan menyusun semua bahan-bahan projek ini. Didoakan agar segala khidmat dan bantuan ikhlas anda semua akan mendapat barakah dan pembalasan dari Allah swt, **InsyaAllah**.

Akhirnya, tidak sempurna penghargaan saya ini kiranya satu ucapan tahniah kepada ahli keluarga saya, tidak diakrukan, kerana mereka adalah sumber inspirasi saya, kerana mereka juga saya dapat menghadapi program Sarjana saya dengan penuh ketenangan, tanpa restu dan prihatin mereka kemungkinan amat sukar bagi saya menduduki kuliah dan lain-lain yang kebanyakannya di waktu petang. Rasa hutang budi ingin saya luahkan kepada ibu dan bapa saya yang telah mendidik saya sehingga berada ke tahap ini, isteri saya Puan Salmah binti Hj. Abd. Rani, begitu juga dengan anak-anak yang dikasihi Auzaim, Husna Najihah, Aminurrasyid, Aimarusyidi, Amirulhafiz dan Faaiq Irfan yang sama-sama berkorban masa, menagih simpati serta sentiasa berdoa untuk kejayaan saya. Allah sahaja akan memberkati hidup mereka. (Jazakumullahu Khairal Jaza').

Wassalam

Universiti Putra Malaysia  
Serdang, Selangor  
Mac 1998.

## KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>ABSTRAK</b>	xiii
<b>ABSTRACT</b>	xvi
 <b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN</b>	
Pengenalan	1
Kenyataan Masalah	12
Objektif Kajian	13
Kepentingan Kajian	14
Definisi Istilah	15
Skop Kajian	15

## **II TINJAUAN BAHAN-BAHAN BERTULIS**

Pengenalan .. .. .. .. .. .. ..	16
Konsep Pelaksanaan .. .. .. .. .. ..	19
Matlamat Dan Strategi Pelaksanaan .. .. .. ..	20
Pencapaian Dan Masalah Pelaksanaan .. .. ..	30
Keistimewaan Nilai-nilai Murni .. .. ..	31
Manual Kursus Penerapan Nilai-nilai Murni Dalam Pentabiran .. .. .. .. ..	38

## **III METODOLOGI KAJIAN**

Populasi dan Persampelan .. .. .. .. ..	41
Instrumen Kajian .. .. .. .. .. ..	42
Kebolehpercayaan Item-item Terhadap Keseluruhan Objektif Kajian .. .. .. .. ..	44
Pra-Ujian Kajian .. .. .. .. ..	45
Pengumpulan Data .. .. .. .. ..	45
Penganalisisan Data .. .. .. .. ..	46

## **IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Pengenalan .. .. .. .. ..	47
Latar Belakang Responden .. .. .. .. ..	47
- Jantina .. .. .. .. ..	48
- Agama .. .. .. .. ..	48
- Umur .. .. .. .. ..	49

-	Kelulusan Akademik Tertinggi	49
-	Tempat Bertugas	50
-	Tempoh Lama Berkhidmat	51

#### Tanggapan Responden Terhadap Aspek-aspek Kajian

-	Kefahaman Dasar Penerapan Nilai-nilai Murni	52
-	Tahap Kepentingan Nilai-nilai Murni	59
-	Langkah-langkah Pelaksanaan	62
-	Amalan	64
-	Masalah Dan Halangan Utama	66

#### V RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

Penyataan Masalah	70
Objektif Kajian	71
Tinjauan Bahan-bahan Bertulis	72
Metodologi Kajian	75
Ringkasan	76
Latar Belakang Responden	76

#### Tanggapan Responden Terhadap Aspek-apsek Kajian

-	Kefahaman Dasar	78
-	Kepentingan Nilai-nilai Murni	79
-	Langkah-langkah Yang Telah Diambil	79

-	Amalan	80
-	Masalah Dan Halangan Utama Dasar	81
Kesimpulan		81
Cadangan		83
<b>VI</b>	<b>BIBLIOGRAFI</b>	84

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **Lampiran I**

Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Penyelidikan	87
--	----

### **Lampiran II**

Borang Soal Selidik Kajian	89
----------------------------	----

### **Lampiran III**

Butir Diri	100
------------	-----

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1. Kebolehpercayaan Item-Item Terhadap Keseluruhan Objektif Kajian .. .. .. ..	44
2. Taburan Responden Mengikut Jantina .. .. .. ..	48
3. Taburan Responden Mengikut Agama .. .. .. ..	48
4. Taburan Responden Mengikut Umur .. .. .. ..	49
5. Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik .. .. .. ..	50
6. Taburan Responden Mengikut Tempat Bertugas .. .. .. ..	51
7. Taburan Responden Mengikut Tempoh Lama Berkhidmat .. .. .. ..	52
8. Tahap Persetujuan Kefahaman Responden Terhadap Pencapaian Objektif Nilai-Nilai Murni .. .. .. ..	53
9. Taburan Responden Berdasarkan Sumber Bagi Mengetahui Usaha-usaha Menerapkan Nilai-Nilai Murni .. .. .. ..	59
10. Taburan Responden Mengikut Tahap Kepentingan Nilai Murni .. .. .. ..	60
11. Taburan Tanggapan Responden Terhadap Nilai-Nilai Penting Dalam Dasar Penerapan Nilai-Nilai Murni .. .. .. ..	61
12. Perhatian Dan Penghargaan .. .. .. ..	62
13. Tanggapan Langkah-langkah Pelaksanaan Nilai-Nilai Murni .. .. .. ..	64
14. Amalan Nilai-Nilai Murni .. .. .. ..	65
15. Masalah Dan Halangan Utama .. .. .. ..	67

## **SENARAI RAJAH**

### **Rajah**

1      Kategori Nilai Murni

### **Muka Surat**

22

**Abstrak Projek Penyelidikan Yang Dikemukakan  
Kepada Senat Universiti Putra Malaysia Sebagai  
Memenuhi Sebahagian Daripada Keperluan Untuk  
Mendapatkan Ijazah Sarjana Sains  
(Pembangunan Sumber Manusia)**

**PELAKSANAAN DASAR  
PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI  
DI TIGA AGENSI INDUK  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Oleh:**

**ABDULLAH BIN HAJI ABD. RAHMAN  
MAC 1998**

**Penyelia: Puan Hajah Rusinah Bt. Joned**

**Fakulti: Jabatan Pendidikan Pengembangan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia**

Tujuan utama kajian ialah untuk mengetahui serta mengenalpasti sejauhmana Pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-nilai Murni dalam pentadbiran di Jabatan-jabatan kerajaan. Kajian ini dijalankan di tiga agensi induk Jabatan Perdana Menteri. Objektif khusus kajian ialah untuk mengetahui kefahaman pegawai-pegawai kerajaan mengenai dasar tersebut, kepentingan nilai-nilai murni dalam pentadbiran kerajaan, mengetahui langkah-langkah pelaksanaan yang telah diambil oleh jabatan kerajaan terhadap dasar tersebut, mengetahui amalan dasar tersebut dan mengenalpasti masalah-masalah serta halangan utamanya.

Data dalam kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan borang soal-selidik yang diisi sendiri oleh 46 orang responden yang bertugas di tiga agensi induk Jabatan Perdana Menteri iaitu di Unit Penyelaras Pelaksanaan (UPP), Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (UPTM).

Kajian ini mendapati bahawa majoriti daripada responden telah menganggapkan kelima-lima aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-nilai Murni Dalam Pentadbiran begitu penting serta menepati kehendak dan inspirasi kerajaan dalam usaha untuk merealisasikan nilai-nilai murni dalam pentadbirannya. Kerajaan telahpun melaksanakan program Islamisasinya di semua peringkat. Kajian yang dibuat mendapati rata-rata responden bersetuju bahawa nilai-nilai murni yang telah dicadangkan oleh kerajaan dalam dasar Islamisasinya amat baik dan sesuai untuk semua peringkat. Sebanyak 71.7% responden bersetuju dengan usaha kerajaan menanam semangat cintakan nilai-nilai murni dalam pentadbiran. Aspek-aspek yang dianggap paling berjaya ialah kefahaman masyarakat mengenai dasar penerapan nilai-nilai murni dalam pentadbiran, peri pentingnya nilai-nilai murni, penghayatan dan amalan, sikap-sikap seperti menghormati kebaikan dan membenci keburukan, menghapuskan gejala negatif, memupuk gejala-gejala positif, mengamalkan perkhidmatan yang berkualiti, berdisiplin dan amanah dalam menjalankan tugas, membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bermaruah dan beridentiti mulia. Dalam aspek-aspek ini responden menaruh harapan yang tinggi kepada kerajaan agar meneruskan dasar-dasar ini secara lebih efektif walaupun pada tahap sekarang ini kerajaan telah melaksanakannya secara berperingkat-peringkat. Nilai-nilai yang paling ketara dan diamalkan sekarang ini ialah nilai amanah

dan dedikasi iaitu lebih separuh daripada responden bersetuju dan yakin yang nilai-nilai ini telah dilaksanakan.

Walau bagaimanapun terdapat sebahagian kecil responden yang membuat tanggapan yang melambangkan ketidakpastian mereka terhadap beberapa perkara seperti dalam aspek-aspek etika kerja, nilai-nilai bersih, dedikasi, keprihatinan dan penilaian kerajaan terhadap tugas pegawai dan kakitangan serta beberapa perkara lagi yang ada hubungkait dengan nilai.

Kajian ini mencadangkan kepada pihak kerajaan, khususnya Jabatan Perdana Menteri agar dapat memberi perhatian dan seterusnya mengambil tindakan terhadap program pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-nilai Murni serta mengemaskini program tersebut supaya lebih berkesan serta dapat diamalkan di semua peringkat jabatan sama ada persekutuan atau negeri, badan berkanun atau swasta. Program ini harus dijadikan sebagai satu program yang tersusun kemas, berwawasan serta bersifat rasmi.

**Abstract of the Project Submitted  
to the Senate of University Putra Malaysia in  
partial fulfilment of the requirements for  
the degree of Master of Science  
(Human Resource Development)**

**IMPLEMENTATION OF THE NOBLE VALUES  
ASSIMILATION POLICY IN THREE CORE AGENCIES OF THE  
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

**By:**

**ABDULLAH BIN HAJI ABD. RAHMAN**

**Supervisor: Puan Hajah Rusinah Bt. Joned**

**Faculty: Department of Extension Education  
Faculty of Educational Studies  
University Putra Malaysia**

The primary goal of the study was to ascertain as well as identify how far the Implementation of Noble Values Assimilation Policy in a government departments administration. The study was conducted at three core agencies in the Prime Minister's Department. The objective of the study were to find out the extent of government officers understanding of the policy; to find out the extent of the importance attached to having noble values in government administration; to find out the steps taken by government departments to implement the policy; to determine the practices of the values; and to identify the problems as well as the major obstacle towards the policy.

The data was collected by using questionnaires. The questionnaires were filled by 46 respondents in the three core agencies of the Prime Minister's Department, that is, the Implementation Coordination Unit (ICU), Economic Planning Unit (EPU) and the Malaysian Administration and Modernization Planning Unit (MAMPU).

The study found that the majority of the respondents consider that five aspects relating to the implementation of the Noble Values Assimilation Policy in the government administration as crucial, in line with the wishes and aspirations of the government in its efforts to inculcate noble values in its administrations. The government has succeeded in implementing its Islamization Programme at all levels.

As the result of this study the respondent agreed that the noble values which is suggested by the government particularly in the Islamization Policy is appropriate at all levels. It shows that approximately 71.7% respondents agreed with the government's efforts to embodied spirit of noble values in administration. The aspects regarded as the most successful are the society's understanding of the policy on assimilation of noble values in the administration, awareness of the importance of the values, assimilation and practice of the values, promotion of qualities such as respecting what is good and hating what is bad, eradication of negative elements, nurturing of positive elements, practice of quality service, discipline and trustworthiness in the performance of duties and development of a Malaysian society that possesses self-esteem and noble character. In this aspects the respondents is highly hoping to the government to execute the noble

values to achieve the goals. Dedication and trust is two main criteria where majority of the respondents agreed that the noble values is successfully implemented.

However, there are a small number of respondents whose responses indicate a lack of certainty in some areas, such as the aspects of clean values, dedication, sensitivity and government evaluation of duties of officers and staff as well as other matters pertaining to values.

The study would like to recommends to the government, in particular the Prime Minister's Department, to give attention and subsequently act on the implementation programme of the Noble Values Assimilation Policy, as to make it more effective and can be practised by all department levels such as at the federal or state statutory body or private sector level. The programme should be structured, organised, has vision and must be formalised.

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan:

Dasar Penerapan Nilai-nilai Murni Kerajaan adalah merupakan satu wadah untuk melahirkan sebuah masyarakat yang beretika serta meletakkan asas-asas nilai yang kukuh dalam pentadbiran awam Malaysia, supaya dengan itu lahirlah “the good man” dalam pentadbiran awam, yang kemudiannya akan mempengaruhi orang lain untuk mencontohnya ‘The good man makes others good’ Ia merupakan dasar yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk mewujudkan nilai-nilai murni di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan Menurut (Ahmad Sarji, 1993)

*Orang yang paling baik itu akan mempengaruhi orang lain sama ada dari segi kepimpinannya, tunjuk ajarnya, akhlaknya, tuturkatanya atau tingkah lakunya yang mendatangkan kebaikan kepada orang lain. Menurutnya lagi, semua penyakit masyarakat ini berpunca daripada sistem nilai masyarakat yang longgar, akibat pengaruh luar (terutama dari Barat) dan pesatnya pembangunan kebendaan yang membawa begitu banyak perubahan dalam institusi keluarga dan sistem nilai*

*... kita harus kembali kepada agama adalah tepat dan sesuai dengan kehendak-kehendak masyarakat sekarang.*

Selepas kerajaan memperkenalkan dasar “penerapan nilai-nilai Islam” pada tahun 1982 dalam pentadbiran negara banyaklah ruang-ruang kosong yang perlu diisi bagi memenuhi aspirasi kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam pentadbiran kerajaan sama ada di peringkat persekutuan atau di negeri-negeri Dalam usaha kerajaan untuk mencernakan serta mengenengahkan nilai-nilai tersebut, langkah awal yang telah diambil ialah menerbitkan risalah-risalah serta tulisan-tulisan

yang menerangkan tentang beberapa aspek tertentu mengenai pentadbiran dari perspektif Islam. Dua Jabatan penting yang diamanahkan untuk memperkenalkan idea serta menyusun agenda ke arah melaksanakan dasar nilai-nilai murni kerajaan ialah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Sebuah buku terbitan INTAN (1991) yang jelas menerangkan tentang maksud serta dasar kerajaan ini ialah bertajuk “Kecemerlangan Pentadbiran Dasar dan Amalan Dalam Islam” adalah sebagai manupulasi ke arah memperjelaskan tentang dasar-dasar penerapan nilai-nilai murni kerajaan.

Buku ini merupakan hasil tulisan oleh pakar-pakar di bidang masing-masing, yang setiap satunya membicarakan aspek tertentu tentang pentadbiran menurut perspektif Islam. Antara input utama buku ini ialah membicarakan tentang “Falsafah Pentadbiran dan Pengurusan”, menghuraikan tentang gambaran menyeluruh tentang suasana dunia Islam iaitu dari sudut makna kehidupan dunia, sistem sosial yang hendak ditegakkan serta peranan insan sebagai makhluk Allah di bumi ini. Buku “Prinsip dan Amalan Pentadbiran”, membicarakan tentang tiga aspek utama pentadbiran dalam Islam iaitu mengenai konsep syura, kepemimpinan dan komunikasi.

Perbicaraan seterusnya ialah mengenai bagaimana “Mencapai Kecemerlangan Dalam Pentadbiran”, khusus membicarakan tentang segala aspek etika kerja dalam

Islam yang jika diamalkan akan menjamin tercapainya kecemerlangan dalam pentadbiran dan pengurusan. Akhirnya ialah perbincangan mengenai “Penyelesaian Islam Dalam Pentadbiran” memberi tumpuan khusus tentang pengurusan ekonomi dan kewangan, konflik dalam organisasi dan pembangunan negara menurut Islam. Penulis berkeyakinan bahawa ketiga-tiga aspek pentadbiran ini akan mencorakkan ciri dan sifat tamadun serta sistem pentadbiran yang diwujudkan, yang pada dasarnya boleh menjadi asas kepada kecemerlangan pentadbiran di negara ini.

Langkah-langkah lain yang diperkenalkan ialah seperti pengedaran Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam, Pelaksanaan Hari Q, Anugerah Khidmat Cemerlang, penerbitan Buku Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam, Buku Tonggak 12, Penerapan Nilai, Norma dan Etika Perkhidmatan Awam yang juga mendapat kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU). Semuanya itu adalah dihubungkaitkan secara bersepadu untuk menanamkan sifat-sifat mulia dan murni yang menjadi teras pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pentadbiran.

### **Peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**

JAKIM juga merupakan agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-nilai Murni Kerajaan iaitu sebagai Jawatankuasa Pemandu Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran yang dibawahnya wujud pula Jawatankuasa Teknikal iaitu Jawatankuasa Teknikal Undang-

undang dan Peraturan, Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Insan dan Jawatankuasa Teknikal Sistem Ekonomi dan Kewangan.

### **Pelaksanaan Nilai-Nilai Murni Di Jabatan**

**Pengertian Nilai-nilai Murni** adalah nilai-nilai mulia yang berfaedah dan berfungsi dalam kehidupan setiap manusia untuk mencapai ketinggian maruah, tingkah laku dan akhlak. Nilai-nilai tersebut jika dipupuk dalam kehidupan manusia, ia akan membangunkan sikap individu itu menjadi manusia yang berperilaku mulia dan menjadi contoh kepada manusia yang lain.

**Ciri-ciri Nilai Murni** ialah nilai bersih, suci dan merupakan nilai sejagat yang boleh diterima dan dihayati oleh setiap manusia. Nilai-nilai ini tidak menyulitkan, dapat memelihara kepentingan umum serta dapat membina keadilan sesama manusia apabila iaanya diterapkan dalam setiap kehidupan. Dalam konteks ini nilai-nilai murni yang hendak diterapkan di kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan Kerajaan dalam pentadbiran negara ialah amanah, tanggungjawab, ikhlas, sederhana, tekun, bersih, disiplin, bekerja-sama, berbudi mulia dan bersyukur.

**Amanah** merupakan perkara yang sangat penting dan menentukan masa hadapan sesebuah masyarakat. Semua peranan yang dimainkan oleh setiap individu berkisar di sekitar amanah yang telah diletakkan ke atas dirinya.

Firman Allah bermaksud

*“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah Kami kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya) maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya.”*

Surah Al-Ahzab ayat 72

**Tanggungjawab** merupakan salah satu kunci kejayaan dalam pengurusan Setiap orang perlu bertanggungjawab terhadap setiap kerja yang dilakukannya Perkara ini telah ditegaskan oleh Nabi Muhammad s a w

*“Kamu semua adalah pemimpin dan setiap pemimpin adalah bertanggungjawab terhadap orang-orang yang dipimpinnya.”*

**Ikhlas** adalah merupakan satu nilai yang melambangkan kesucian dan kebersihan hati seseorang Allah s w t telah menekankan perkara ini beberapa kali dalam Al-Quran firmanNya bermaksud

Katakanlah lagi (wahai Muhammad) *“Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan segala ibadat kepadaNya.”*

Surah Az-Zumar ayat 11

**Sederhana** merupakan satu sikap yang menolak keterlaluan Firman Allah s w t bermaksud

*“Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada TuhanYa”*

Surah Al-Isra' ayat 27

**Tekun** dalam segala pekerjaan yang dilakukan oleh manusia tidak semuanya dianggap sempurna Pekerjaan yang dijalankan dengan tidak sempurna akan merugikan semua orang termasuk diri sendiri Allah s w t berfirman maksudnya

*“Sesiapa yang beramal salah, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan membala mereka dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan”*

Surah An-Nahl ayat 97

**Bersih** merupakan satu ciri yang perlu wujud dalam kehidupan manusia bagi menjalankan semua urusan Islam menuntut supaya bersih hati, pakaian, bangunan, kawasan dan bersih dalam urusan pemilikan harta dan pentadbiran Allah s w t telah berfirman maksudnya

*“Dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin).”*

Suran Al-Taubah ayat 108

**Berdisiplin** adalah beberapa amalan fardhu dalam Islam bertujuan melatih segala aspek kehidupan termasuk aspek-aspek fizikal dan kejiwaan Semua amalan-amalan tersebut berasaskan kepada disiplin tertentu yang mesti dipatuhi jika hendak melihat sesuatu kerja dijalankan

**Bekerjasama** adalah keperluan setiap manusia Kehidupan manusia tidak boleh terlepas daripada bantuan orang lain kerana kemampuan seseorang itu adalah terhad Firman Allah bermaksud